

 ISO 9001:2008	Jabatan Laut Malaysia	No. Pindaan: 00
	Pendaftaran Pengamal Perubatan Yang Diluluskan	Tarikh: 01/07/2009
		Mukasurat: 1/9

PENDAFTARAN PENGAMAL PERUBATAN YANG DILULUSKAN

PT-HEPP-03


 ISO 9001:2008	Jabatan Laut Malaysia	No. Pindaan: 00
	Pendaftaran Pengamal Perubatan Yang Diluluskan	Tarikh: 01/07/2009
		Mukasurat: 2/9

Rekod Pindaan.

Pindaan	Tarikh	Huraian Pindaan
-	01/07/2009	Keluaran baru berdasarkan kepada MS ISO 9001:2008.

 ISO 9001:2008	Jabatan Laut Malaysia	No. Pindaan: 00
	Pendaftaran Pengamal Perubatan Yang Diluluskan	Tarikh: 01/07/2009
		Mukasurat: 3/9

CARTA ALIR PENDAFTARAN PENGAMAL PERUBATAN YANG DILULUSKAN



 ISO 9001:2008	Jabatan Laut Malaysia	No. Pindaan: 00
	Pendaftaran Pengamal Perubatan Yang Diluluskan	Tarikh: 01/07/2009
		Mukasurat: 4/9

1. OBJEKTIF.

Memastikan pengamal perubatan yang membuat pemeriksaan perubatan keatas pelaut bagi tujuan pelaut tersebut berkhidmat di atas kapal adalah layak dan mematuhi kehendak-kehendak yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Perkapalan Saudagar (Pemeriksaan Perubatan) 1999.

2. SKOP.

Prosedur ini akan dilaksanakan diperingkat Pejabat Pelabuhan dan Ibu Pejabat bagi mendaftar dan meluluskan permohonan seperti berikut:-

- i) pengamal perubatan tempatan.
- ii) pengamal perubatan asing.

Pejabat-pejabat pelabuhan yang telibat dalam prosedur ini adalah:-

- i) Pejabat Pelabuhan di Pelabuhan Kelang, Pejabat Laut di Dayabumi Kuala Lumpur, Pejabat Pelabuhan Port Dickson, Pejabat Pelabuhan Melaka.
- ii) Pejabat Pelabuhan Pulau Pinang, Pejabat Pelabuhan di Gelugor, Pulau Pinang, Pejabat Pelabuhan Lumut, Pejabat Pelabuhan Kuah, Langkawi, Pejabat Pelabuhan Kuala Kedah, Pejabat Pelabuhan Kuala Perlis, Perlis.
- iii) Pejabat Pelabuhan Tanjong Pelepas, Johor, Pejabat Pelabuhan Johor Baharu, Pejabat Pelabuhan Pasir Gudang.
- iv) Pejabat Pelabuhan Kuala Terengganu, Pejabat Pelabuhan Kerteh, Pejabat Pelabuhan Kemaman, Pejabat Pelabuhan Tanjong Gelang, Kuantan.
- v) Pejabat Pelabuhan Kota Kinabalu, Sabah, Pejabat Pelabuhan Tawau, Pejabat Pelabuhan Sandakan, Pejabat Pelabuhan Lahad Datu
- vi) Pejabat Pelabuhan Sarawak Barat, Kuching, Pejabat Pelabuhan Sibu, Sarikei, Bintulu dan Miri.

 ISO 9001:2008	Jabatan Laut Malaysia	No. Pindaan: 00
	Pendaftaran Pengamal Perubatan Yang Diluluskan	Tarikh: 01/07/2009
		Mukasurat: 5/9

3. TANGGUNGJAWAB.

Prosedur ini dibawah tanggungjawab Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan dan pegawai-pegawai dibawahnya.

4. DEFINASI/SINGKATAN.

- 4.1 HEPP - Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan.
- 4.2 IPL - Ibu Pejabat Laut.
- 4.3 KP - Ketua Pengarah.
- 4.4 KPP - Ketua Penolong Pengarah.
- 4.5 NMPM - Nota Maklumat dan Panduan Merin.
- 4.6 PHEPP - Pengarah Bahagian HEPP.
- 4.7 PL - Pegawai Laut.
- 4.8 PT - Pembantu Tadbir.

5. RUJUKAN.

- 5.1 Manual Kualiti.
- 5.2 Kaedah-kaedah Perkapalan Malaysia (Pemeriksaan Perubatan) 1999.
- 5.3 Notis Perkapalan Malaysia NPM 5/1999.
- 5.4 Notis Perkapalan Malaysia NPM 14/1999.
- 5.5 Nota Maklumat dan Panduan Merin NMPM 11/1999, NMPM16/1999, NMPM/ 17/1999.
- 5.6 Standard Perubatan dan Penglihatan JL/P/02/1998.
- 5.7 Borang JL/HEPP/B/10.

 ISO 9001:2008	Jabatan Laut Malaysia	No. Pindaan: 00
	Pendaftaran Pengamal Perubatan Yang Diluluskan	Tarikh: 01/07/2009
		Mukasurat: 6/9

6. PROSEDUR.

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	6.1 Terima Permohonan di Pejabat Pelabuhan.
MK/PT	6.1.1 Menerima slip pendaftaran (Lampiran 1) yang dicetak dari sistem beserta dokumen sokongan asal dan menyemak nombor rujukan yang dikemukakan.
MK/PT	6.1.2 Mengakses permohonan pendaftaran dengan nombor rujukan di dalam sistem.
	6.2 Semakan Permohonan dan dokumen.
MK/PT	6.2.1 Tentukan jenis permohonan (tempatan/asing) dan menyemak dokumen sokongan yang dikemukakan.
MK/PT	6.2.2 Semak permohonan pendaftaran dalam sistem dan pastikan maklumat adalah lengkap.
MK/PT	6.2.3 Bagi permohonan pengamal perubatan tempatan, pastikan pemohon perlu mengemukakan dokumen asal seperti berikut:- i) Kad pengenalan; ii) Dokumen kelayakan dalam bidang perubatan; iii) Sijil Pendaftaran dengan Malaysian Medical Council (MMC); iv) Sijil kehadiran kursus pengenalan bidangkerja maritim (jika ada); dan v) Diploma/ijazah dalam Occupational Health/Medicine (jika ada).
MK/PT	6.2.4 Bagi permohonan pengamal perubatan asing, pemohon perlu mengemukakan dokumen salinan yang telah diakui sah oleh syarikat/ejen perkapalan seperti berikut; i) Salinan Pasport.

 ISO 9001:2008	Jabatan Laut Malaysia	No. Pindaan: 00
	Pendaftaran Pengamal Perubatan Yang Diluluskan	Tarikh: 01/07/2009
		Mukasurat: 7/9

	ii) Dokumen kelayakan dalam bidang perubatan. iii) Dokumen pengiktirafan sebagai pengamal perubatan dari Negara pemohon.
MK/PT	6.2.5 Sekiranya permohonan dan dokumen adalah lengkap arahkan pemohon untuk membuat pembayaran dan mendapatkan resit pembayaran.
MK/PT	6.2.6 Jika dokumen yang dikemukakan adalah tidak lengkap, kembalikan slip pendaftaran dan mohon pemohon memenuhi kekurangan sebelum membuat bayaran.
	6.3 Menerima bayaran, mengemukakan resit dan mengemaskini data dalam sistem.
MK/PT	6.3.1 Sekiranya permohonan dan dokumen lengkap, menerima bayaran permohonan dan keluarkan resit.
MK/PT	6.3.2 Dapatkan nombor resit, kemaskini nombor resit dalam sistem dan dihantar ke IPL.
	6.4 Pengesahan Kelulusan di IPL.
PL	6.4.1 Semak permohonan yang diterima dari Pejabat Pelabuhan dan buat keputusan sama ada lulus, tolak atau semakan semula.
PL	6.4.2 Sekiranya permohonan diluluskan, kemaskini data dalam sistem dan hantar ke Pejabat Pelabuhan yang menerima permohonan.
PL	6.4.3 Jika permohonan tidak diluluskan, masukkan catatan dan tolak permohonan di dalam sistem.
PL	6.4.4 Sekiranya permohonan perlu semakan

 ISO 9001:2008	Jabatan Laut Malaysia	No. Pindaan: 00
	Pendaftaran Pengamal Perubatan Yang Diluluskan	Tarikh: 01/07/2009
		Mukasurat: 8/9

	semula, masukkan catatan, kemaskini data dan hantar semula ke Pejabat Pelabuhan yang menerima permohonan. Proses kembali ke para 6.2.
PL	6.4.5 Jika pengamal perubatan belum menghadiri kursus Familiarisasi Perkapalan Bagi Pengamal Perubatan, kelulusan diberikan bagi tempoh 12 bulan sahaja.
PL	6.4.6 Jika pemohon telah menghadiri kursus Familiarisasi, kelulusan diberi tanpa tarikh tamat.
PL	6.4.7 Pengendalian kursus Familiarisasi Perkapalan Bagi Pengamal Perubatan boleh dirujuk dalam Panduan (Lampiran 5).
	6.5 Cetakan sijil/surat di Pejabat Pelabuhan.
MK/PT	6.5.1 Setelah menerima kelulusan dari IPL, buat cetakan sijil (Lampiran 2) dan surat pemakluman kelulusan pendaftaran (Lampiran 3) pengamal perubatan tempatan.
MK/PT	6.5.2 Sekiranya kelulusan dari IPL adalah bagi pengamal perubatan asing, cetak surat pemakluman kelulusan (Lampiran 4).
MK/PT	6.5.3 Serahkan sijil kepada penyelia untuk ditandatangani dan cop.
MK/PT	6.5.4 Dapatkan sijil yang telah ditandatangani oleh penyelia untuk proses serahan.
	6.6 Penghantaran melalui pos.
MK/PT	6.6.1 Sijil yang telah ditandatangani dan surat yang telah dicetak hendaklah di pos kepada pemohon beserta dengan; i) Buku Standard Perubatan dan

 ISO 9001:2008	Jabatan Laut Malaysia	No. Pindaan: 00
	Pendaftaran Pengamal Perubatan Yang Diluluskan	Tarikh: 01/07/2009
		Mukasurat: 9/9

MK/PT	ii) Penglihatan JL/P/02/1998. Buku Perakuan Perubatan. iii) Cop Pengamal Perubatan yang diluluskan.
MK/PT	6.6.2 Bagi pengamal perubatan asing, pos surat kelulusan kepada pemohon. 6.6.3 Rekod slip penghantaran dan simpan untuk rekod.

7. REKOD.

Bil.	Rekod	Tempoh Penyimpanan (Tahun)
1.	Fail IPL. 2448 – Senarai pengamal perubatan yang telah diluluskan.	5 tahun
2.	Fail persendirian pengamal perubatan.	5 tahun

8. LAMPIRAN.

- 8.1 Lampiran 1 - Slip Pendaftaran.
- 8.2 Lampiran 2 - Sijil Pengamal Perubatan Yang Diluluskan.
- 8.3 Lampiran 3 - Surat Pemakluman Kelulusan pengamal perubatan tempatan.
- 8.4 Lampiran 4 - Surat Pemakluman kelulusan pengamal perubatan asing.
- 8.5 Lampiran 5 - Panduan Mengendalikan Kursus Familiarisasi Perkapalan bagi pengamal perubatan.

LAMPIRAN 1



JABATAN LAUT MALAYSIA

Reference No.	MP10812
Module Name	Medical Practitioner
Port Office	Kemaman
Date	08/04/2009 11:19 AM
Payment Code	868202
Charges	RM300.00

(Note: Please bring along this slip to the selected port officer to proceed your payment. Your application can only be process in next following day at other port office)



ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR 1952

MALAYSIAN SHIPPING ORDINANCE 1952

KAEDAH 6 DALAM KAEDAH-KAEDAH PERKAPALAN SAUDAGAR (PEMERIKSAAN PERUBATAN) 1999
 RULE 6 OF THE MALAYSIAN SHIPPING ORDINANCE (MEDICAL EXAMINATION) RULES 1999

PENGAMAL PERUBATAN YANG DILULUSKAN

APPROVED MEDICAL PRACTITIONER

No Pengamal Perubatan :
 (Medical Practitioner No)

Nama (Name) :

Nombor Kad Pengenalan :
 Identification Card Number

Nombor Pendaftaran MMC :
 MMC Registration Number

Master/Diploma/Sijil dalam Kesihatan Pekerjaan/Perubatan Master/Diploma/Certificate in Occupational Health/Perubatan	
Menghadiri kursus familiarisasi perkapalan pada Attended the shipping familiarization course on	
Tempoh berkhidmat dalam bidang perubatan (dalam tahun) Years of experience in the medical field	

Pengamal Perubatan di atas diluluskan oleh Pengarah Laut untuk menjalankan pemeriksaan perubatan ke atas pelaut mengikut kaedah diatas dan mengikut peruntukan Konvensyen Pemeriksaan Perubatan (Pelaut) 1946 (Konvensyen Buruh Antarabangsa 73, 1946)

The above medical practitioner is hereby approved by the Director of Marine to medically examine seafaters in accordance with the above Rules and Complies with the provisions of the Medical Examination (Seaman) Convention, 1946 (International Labour Convention 73 of 1946)

Tarikh Diluluskan :
 Date Approved

b.p (Pengarah Laut)
 (Director of Marine)



JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA
 IBU PEJABAT LAUT
 PETI SURAT 12
 42007 PELABUHAN KLANG
 SELANGOR DARUL EHSAN
 MALAYSIA

Telefon : 03-3346 7777 Emel : kpgr@marine.gov.my
 Faks : 03-3168 5289 Laman Web : http://www.marin.gov.my



Cert. No : KLR 0403591 A
 Cert. No : KLR 0403591 C
 Cert. No : KLR 0403591 D

Rujukan Tuan :
 Rujukan Kami : IPL.PEL.PP{NO_PP}{(NO)}
 Tarikh : {DATE}

{DOCTOR_NAME}
 {ADDRESS}

Tuan,

KELULUSAN SEBAGAI PENGAMAL PERUBATAN JABATAN LAUT

Adalah saya diarah merujuk kepada perkara diatas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan/puan sebagai pengamal perubatan jabatan ini telah diluluskan dan disertakan 'sijil pengamal perubatan' tindakan tuan/puan.
3. Kelulusan ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - 3.1 Kelulusan ini hanya sah selama {NUMBER_OF_YEAR} tahun sehingga {EXPIRY_DATE}
 - 3.2 Tuan/puan boleh memohon dengan rasmi untuk membaharui sijil satu (1) bulan sebelum tamat tempoh dengan menyertakan salinan sijil pengamal perubatan;
 - 3.3 Kelulusan ini boleh ditarik balik oleh Jabatan ini pada bila-bila masa jika terbukti tuan telah melanggar peraturan yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Perkapalan Saudagar (Pemeriksaan Perubatan) 1999, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan arahan-arahan lain yang ditetapkan oleh jabatan.
4. Oleh yang demikian, kelulusan ini sah laku sehingga {EXPIRY_DATE} dan boleh di tarikbalik pada bila-bila masa oleh pihak jabatan sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

{OFFICER_APPROVED}

b.p: Ketua Pengarah Laut,
 Jabatan Laut Malaysia

[Dokumen ini adalah cetakan komputer oleh itu tandatangan tidak diperlukan]

LAMPIRAN 4



JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA
IBU PEJABAT LAUT
PETI SURAT 12
42007 PELABUHAN KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

Telefon : 03-3346 7777 Emel : kpgr@marine.gov.my
Faks : 03-3168 5289 Laman Web : http://www.marine.gov.my



Cert. No : KLR 0403591 A
Cert. No : KLR 0403591 C
Cert. No : KLR 0403591 D

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : IPL.PEL.{CTRY_CODE}.{NO_PP}{(NO)}
Tarikh : {DATE}

{COMPANY_NAME}
{ADDRESS}

Tel : {TEL_NO}
Fax : {FAX_NO}

Tuan,

KELULUSAN SEBAGAI PENGAMAL PERUBATAN (ASING) JABATAN LAUT

Adalah saya dengan segala hormatnya diarah merujuk perkara diatas.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa pihak kami **MELULUSKAN** permohonan tuan melantik pengamal perubatan asing sebagai panel doktor bagi syarikat tuan seperti dibawah: .

{DOCTOR_NAME}
{CLINIC_NAME}
{ADDRESS}

3. Oleh yang demikian, kelulusan tersebut adalah berkuatkuasa dari tarikh surat ini dan kelulusan boleh ditarikbalik pada bila-bila masa oleh pihak jabatan sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

.....
(**{OFFICER_APPROVED}**)
b.p: Ketua Pengarah Laut,
Jabatan Laut Malaysia

